

Perlindungan Alam Sekitar Terhadap Aspek Kecuaian di Bawah Undang-Undang Tort Melalui Mediasi ke Arah Pembangunan Mampan di Malaysia

Environmental Protection Based on the Law of Tort Focusing on Negligence Through Mediation Towards Sustainable Development in Malaysia

MUHAMMAD RIZAL RAZMAN, MAZLIN MOKHTAR, SITI NAAISHAH HAMBALI, SHARIFAH ZARINA SYED ZAKARIA & ZULISKANDAR RAMLI

ABSTRAK

Undang-undang tort merupakan salah satu undang-undang persendirian yang memainkan peranan penting dalam perlindungan alam sekitar bagi mencapai pembangunan mampan. Undang-undang tort ini boleh dibahagi kepada beberapa bahagian termasuklah kecuaiian, kacauganggu, pencerobohan dan tanggungan keras. Sehubungan dengan itu, kertas ini mengkaji undang-undang tort tumpuan kepada aspek kecuaiian di dalam hal yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar ke arah pembangunan mampan. Kertas ini turut mengenal pasti kes dan tindakan yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar ke arah pembangunan mampan menerusi undang-undang tort tumpuan kepada aspek kecuaiian di Malaysia. Akhir sekali, kertas ini juga membincangkan mengenai undang-undang yang tersebut di atas sebagai instrumen untuk perlindungan alam sekitar ke arah pembangunan mampan bukan hanya melalui proses tuntutan penyelesaian pertikaian di mahkamah sahaja tetapi di luar mahkamah seperti mediasi. Proses tuntutan penyelesaian pertikaian melalui mediasi agak luwes berbanding proses di mahkamah. Mediasi memberi penekanan kepada aspek komunikasi dan rundingan dalam mencari jalan penyelesaian pertikaian yang kompleks, yang mana, perkara ini adalah selaras dengan pembangunan mampan.

Kata kunci: Perlindungan alam sekitar; undang-undang tort; mediasi; pembangunan mampan

ABSTRACT

The law of tort is one of the private law that plays an important role in environmental protection towards achieving sustainable development. The law of tort can be divided into several parts which include negligence, nuisance, trespass and strict liability. Therefore, this paper examines the law of tort focusing on aspect of negligence on the matter of environmental protection towards sustainable development. This paper also, identifies cases and actions on the matter of environmental protection towards sustainable development through the law of tort focusing on aspect of negligence in Malaysia. Finally, this paper also discusses on the above mentioned law as an instrument for the environmental protection towards sustainable development, which is not based solely on the court dispute settlement process, but can also be taken in other dispute settlement process such as mediation. Mediation is more flexible compared to the court dispute settlement process. Mediation is also highlighted on good communication as well as negotiation in order to reach an agreement between parties in complex dispute, which, in line with sustainable development.

Key words: Environmental protection; the law of tort; mediation; sustainable development

PENDAHULUAN

Alam sekitar merupakan khazanah bagi manusia yang tidak ternilai harganya. Maka, adalah menjadi tanggungjawab setiap insan agar melindungi alam sekitar daripada sebarang ancaman pencemaran. Sehubungan dengan itu, pengurusan alam sekitar yang berkesan, mampu memastikan alam sekitar dilindungi bagi mencapai pembangunan mampan. Menurut Jamaluddin (2001) pengurusan alam sekitar terbahagi kepada dua bahagian iaitu

pengurusan alam sekitar melalui kaedah bukan undang-undang dan pengurusan alam sekitar melalui undang-undang.

Pengurusan alam sekitar melalui kaedah bukan undang-undang merangkumi perancangan, pemantauan, penggunaan dasar awam, pelaksanaan garis panduan, pemakaian kod amalan, pendidikan dan penyelidikan serta pembangunan (Jamaluddin 2001). Manakala pengurusan alam sekitar melalui undang-undang pula di peringkat nasional, boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu

pengurusan alam sekitar menerusi undang-undang awam dan pengurusan alam sekitar menerusi undang-undang persendirian (Ball & Bell 1995; Muhammad Rizal 2002). Undang-undang yang diklasifikasikan sebagai undang-undang awam adalah undang-undang yang mentadbir dan mengawalselia hubungan di antara sesebuah negara dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu. Manakala undang-undang yang diklasifikasikan sebagai undang-undang persendirian pula adalah undang-undang yang mentadbir dan mengawalselia hubungan di antara seseorang individu atau sekumpulan individu-individu dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain (Beatrix & Wu 1991).

Undang-undang jenayah adalah contoh bagi undang-undang awam di Malaysia. Undang-undang jenayah adalah suatu undang-undang yang menerangkan dan menetapkan kesemua ketinggalan perbuatan dan perbuatan yang dianggap sebagai jenayah. Sesiapa sahaja yang disyaki melakukan sesuatu ketinggalan perbuatan jenayah atau perbuatan jenayah, maka Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara mewakili negara Malaysia akan membawa pertuduhan jenayah berkenaan ke mahkamah untuk dibicarakan. Kes undang-undang jenayah ini, adalah di antara “Pendakwa Raya” iaitu pihak yang mewakili negara Malaysia lawan “Tertuduh atau Tertuduh-Tertuduh” iaitu seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang dituduh melakukan perbuatan jenayah berkenaan (Muhammad Rizal & Syahirah 2001b). Berdasarkan kepada perbincangan di atas, undang-undang jenayah merupakan suatu undang-undang yang mentadbir dan mengawalselia di antara sesebuah negara dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu. Sehubungan dengan itu, undang-undang jenayah ini diklasifikasikan sebagai undang-undang awam (Muhammad Rizal 2002).

Manakala undang-undang tort pula adalah contoh bagi undang-undang persendirian di Malaysia. Undang-undang tort adalah suatu undang-undang yang memberikan penekanan akan tanggungjawab kepada seseorang individu atau sekumpulan individu-individu supaya memastikan ketinggalan perbuatan dan perbuatan mereka itu tidak akan merugikan dan/atau mencederakan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain. Kegagalan mematuhi tanggungjawab ini, maka seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian bolehlah membawa

tuntutan berkenaan ke mahkamah terhadap pihak yang gagal mematuhi tanggungjawab berkenaan. Tuntutan di bawah undang-undang tort ini pula, adalah di antara “Plaintif” iaitu pihak yang menuntut dan “Defendan” iaitu pihak yang kena tuntutan (Muhammad Rizal & Syahirah 2001a, 2001b). Berdasarkan kepada perbincangan di atas, undang-undang tort merupakan suatu undang-undang yang mentadbir dan mengawalselia di antara seseorang individu atau sekumpulan individu-individu dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain. Sehubungan dengan itu, undang-undang tort ini diklasifikasikan sebagai undang-undang persendirian (Muhammad Rizal 2002).

PEMBANGUNAN MAMPAN

Menurut Sands (2003), konsep pembangunan mampan merupakan suatu strategi untuk menangani masalah pencemaran bagi memastikan alam sekitar dilindungi. Konsep pembangunan mampan dilihat mempunyai kesan terhadap kepentingan untuk perlindungan alam sekitar sejagat. Oleh yang demikian, kesemua undang-undang termasuklah undang-undang tort merupakan sebahagian daripada hasrat pembangunan mampan yang perlu dicapai.

Manakala bagi World Commission on Environment and Development (WCED) (1987) pula, pembangunan mampan merupakan pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa mengabaikan pula peluang generasi akan datang. Bersandarkan kepada penemuan kajian dan perbincangan sebelum ini, keseimbangan undang-undang telah menunjukkan kekuatan dalam menangani masalah pencemaran bagi melindungi alam sekitar bagi mencapai hasrat ke arah matlamat pembangunan mampan bagi memastikan kesejahteraan habitat manusia dan alam sekitarnya terpelihara daripada kemusnahan.

Secara dasarnya konsep pembangunan mampan telah menjadi elemen dalam kerangka undang-undang pada awal tahun 1893. Berdasarkan kepada kes *United States of America v Great Britain* [1893] 1 Moore’s Int. Arb. Awards 755, yang dikenali sebagai *Pacific Fur Seals Arbitration*, di mana dalam kes ini Amerika Syarikat yang telah menghujahkan dengan tegas bahawa undang-undang perlulah menitik berat terhadap hak untuk melindungi hidupan liar bagi memastikan habitat manusia dan alam sekitarnya terpelihara daripada kemusnahan. Sands (1995) telah menyatakan bahawa konsep

pembangunan mampan kini telah ditonjolkan dalam Sidang Kemuncak Rio dengan terbentuknya Deklarasi Rio 1992. Deklarasi Rio merupakan suatu deklarasi antarabangsa mengenai alam sekitar dan pembangunan hasil daripada Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada 3 hingga 14 Jun 1992. Bersandarkan kepada persetujuan masyarakat antarabangsa, Deklarasi Rio mewujudkan sekutu dunia yang baru dan saksama melalui jalinan kerjasama di lapisan yang baru antara negara, sektor utama sosial dan manusia. Malah melalui Deklarasi Rio ini, masyarakat antarabangsa bersetuju menghormati kepentingan semua dan melindungi keseluruhan sistem alam sekitar dan pembangunan sedunia.

PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MELALUI UNDANG-UNDANG KE ARAH MENCAPAI PEMBANGUNAN MAMPAN

Undang-undang awam dan undang-undang persendirian memainkan peranan yang amat penting di dalam konteks pengurusan alam sekitar ke arah mencapai pembangunan mampan. Perkembangan undang-undang adalah supaya memastikan alam sekitar dilindungi bagi memastikan kesejahteraan habitat manusia terpelihara (Ball & Bell 1995; Muhammad Rizal 2002).

Senarai di antara undang-undang awam yang memberi penekanan terhadap pengurusan alam sekitar ke arah mencapai pembangunan mampan di Malaysia:

- (a) Undang-undang kualiti alam sekeliling menerusi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).
- (b) Undang-undang jalan, parit dan bangunan menerusi Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).
- (c) Undang-undang perancangan bandar dan desa menerusi Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
- (d) Undang-undang kerajaan tempatan menerusi Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).
- (e) Undang-undang tanah menerusi Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
- (f) Undang-undang perlindungan hidupan liar menerusi Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 (Akta 76).
- (g) Undang-undang hutan menerusi Akta Perhutanan Negara, 1984 (Akta 313).
- (h) Undang-undang jenayah menerusi Kanun Keseksan (Akta 574)

Kesemua undang-undang yang dinyatakan di atas adalah merupakan undang-undang yang diklasifikasikan sebagai undang-undang awam kerana undang-undang yang tersebut di atas adalah undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan di antara negara Malaysia dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu.

Manakala undang-undang persendirian di Malaysia yang memainkan peranan yang penting di dalam konteks perlindungan alam sekitar bagi memastikan kesejahteraan habitat manusia terpelihara ke arah mencapai pembangunan mampan, antaranya ialah undang-undang tort. Undang-undang tort ini pula boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Ianya merangkumi aspek tanggungan keras, kacauganggu, pencerobohan dan kecuaiian. Ini berdasarkan kepada hak-hak, tindakan-tindakan dan remedi-remedi yang dibuat oleh pihak menuntut yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian.

Justeru, kertas ini memberikan fokus kajian terhadap perlindungan alam sekitar berdasarkan kepada aspek kecuaiian di bawah undang-undang tort melalui mediasi ke arah pembangunan mampan di Malaysia.

UNDANG-UNDANG TORT DI MALAYSIA DENGAN PENUMPUAN KEPADA ASPEK KECUAIAN

Di Malaysia, tidak terdapat peruntukan di dalam perundangan yang dikhaskan untuk mengawalselia dan mentadbir undang-undang tort tumpuan kepada aspek kecuaiian secara spesifik. Sehubungan dengan itu, Akta Undang-Undang Sivil, 1956 (Akta 67) akan diguna pakai.

Di dalam seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil, 1956 (Akta 67) memperuntukkan bahawa:

“3(1) Save so far as other provision has been made or may hereafter be made by any written law in force in Malaysia, the Court shall:

- (a) in West Malaysia or any part thereof, apply the common law of England and the rules of equity as administered in England on the 7th day of April, 1956;
- (b) in Sabah, apply the common law of England and rules of equity, together statutes of general application, as administered or enforced in England on the 1st day of December, 1951;
- (c) in Sarawak, apply the common law of England and rules of equity, together statutes of general application, as administered or enforced in England on the 12th day of December, 1949.

Provided that the said common law, rules of equity and statutes of general application shall be applied so far only as the circumstances of States of Malaysia and their respective inhabitants permit and subject to such qualifications as local circumstances render necessary.”

Berdasarkan kepada peruntukan di dalam seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil, 1956 (Akta 67) di atas, jelas di sini bahawa, apabila sesuatu perkara undang-undang itu, tiada di dalam statut di Malaysia, maka Undang-Undang Inggeris akan digunakan di Malaysia tertakluk kepada syarat penyesuaian jika keadaan tempatan memerlukannya (Wu 1987). Sehubungan dengan itu, undang-undang tort tumpuan kepada aspek kecuaiian di Malaysia adalah berdasarkan dan berasaskan kepada Undang-Undang Inggeris.

ASPEK KECUAIAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TORT

Menurut definisi yang di berikan oleh Lord Wright di dalam kes *Loghelly Iron & Coal v M'Mullan* [1934] AC 1, 25:

“Negligence means more than heedless or careless conduct... it properly connotes the complex of duty, breach and damage thereby suffered by the person to whom the duty was owing.”

Berdasarkan kepada definisi di atas, jelas di sini, kecuaiian merupakan suatu perbuatan yang melebihi dari suatu perbuatan kelalaian dan perbuatan yang tidak berhati-hati. Ianya mempunyai hubung-kait dengan konsep-konsep tanggungjawab, pelanggaran tanggungjawab serta kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang dialami oleh seseorang. Sehubungan dengan itu, elemen-elemen penting di dalam undang-undang kecuaiian adalah seperti berikut:

- (1) Tanggungjawab berhati-hati dipertanggungjawabkan ke atas individu (defendan) yang menyebabkan kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian ke atas individu lain (plaintif);
- (2) Wujudnya pelanggaran terhadap tanggungjawab yang tersebut di atas;
- (3) Wujudnya kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang berpunca dari pelanggaran tanggungjawab yang tersebut di atas;
- (4) Wujudnya perhubungan munasabah yang dekat di antara kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian serta pelanggaran tanggungjawab yang tersebut di atas (Salleh 1990).

TANGGUNGJAWAB BERHATI-HATI

Tanggungjawab berhati-hati adalah elemen pertama yang penting di dalam undang-undang kecuaiian. Oleh yang demikian, apabila plaintif ingin membuat tuntutan ke mahkamah terhadap satu pihak lain iaitu defendan di bawah undang-undang kecuaiian, maka plaintif mestilah membuktikan kepada mahkamah bahawa wujudnya tanggungjawab berhati-hati ke atas defendan yang menyebabkan kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian kepada plaintif.

Tanggungjawab berhati-hati melalui “prinsip asas kejiwaan” telah diketengahkan oleh Lord Atkin di dalam kes *Donoghue v Stevenson* [1932] AC 562. Berdasarkan kepada “prinsip asas kejiwaan” ini, setiap individu, adalah bertanggungjawab dan dikehendaki mengambil tindakan yang berhati-hati secara munasabah dan berpatutan supaya mengelakkan perbuatan atau ketinggalan perbuatan yang mana secara munasabah dan berpatutan boleh dilihat serta dijangkakan akan mencederakan dan merugikan jiran beliau (Rogers 1989). Seterusnya, jiran pula adalah dirujuk kepada pihak-pihak yang begitu dekat dengan kesan dan menerima kesan secara langsung oleh tindakan perbuatan individu berkenaan (Rogers 1989).

PERLANGGARAN TANGGUNGJAWAB BERHATI-HATI

Selepas plaintif berjaya membuktikan kepada mahkamah bahawa wujudnya tanggungjawab berhati-hati ke atas defendan, maka kini plaintif pula dikehendaki membuktikan kepada mahkamah bahawa tanggungjawab berhati-hati yang dipertanggungjawabkan ke atas defendan itu telah dilanggar dan diabaikan oleh defendan itu sendiri.

Bagi penentuan pelanggaran tanggungjawab berhati-hati ini, ujian “a reasonable man” iaitu ujian “seseorang yang munasabah dan berpatutan” akan digunakan. Ini adalah berdasarkan kepada ujian di dalam kes *Bolam v Friern Hospital Management* [1957] 2 All ER 118, 121. Sehubungan dengan itu, plaintif adalah dikehendaki membuktikan kepada mahkamah bahawa pelanggaran tanggungjawab berhati-hati defendan itu, adalah berdasarkan kepada tindakan perbuatan atau ketinggalan perbuatan defendan di bawah tahap berhati-hati “seseorang yang munasabah dan berpatutan.”

Seterusnya, apakah yang dimaksudkan “seseorang yang munasabah dan berpatutan?” Oleh yang demikian, perlulah merujuk kepada kes

Glasgow Corporation v Muir [1943] A.C. 448. Di dalam kes Glasgow Corporation v Muir ini, Lord Macmillan telah mendefinisikan “a reasonable man” iaitu “seseorang yang munasabah dan berpatutan” sebagai:

“an ordinary competent man exercising that particular act. In the case of a medical man, negligence means failure to act accordance with the standards of reasonably competent medical men at the time. There may be one or more perfectly proper standards, and if he conforms with one of these proper standards, then he is not negligent.”

Berdasarkan kepada definisi yang di berikan oleh Lord Macmillan di dalam kes Glasgow Corporation v Muir di atas, jelas di sini bahawa maksud “seseorang yang munasabah dan berpatutan” adalah seseorang yang biasanya cekap melaksanakan sesuatu tindakan. Di dalam kes yang berkaitan dengan pegawai perubatan, kecuaiian bererti kegagalan suatu tindakan menurut tahap kecekapan yang munasabah dan berpatutan bagi seorang pegawai perubatan. Ianya mungkin terdapat satu atau lebih tahap-tahap yang bersesuaian lagi sempurna dan sekiranya beliau mengikuti salah satu tahap-tahap yang bersesuaian berkenaan, beliau dianggap tidak cuai.

Jelas di sini bahawa, berdasarkan kepada perbincangan di atas yang merujuk kepada beberapa keputusan mahkamah, bagi menentukan, wujudnya pelanggaran tanggungjawab berhati-hati adalah merujuk kepada ujian “a reasonable man” iaitu ujian “seseorang yang munasabah dan berpatutan”. Sehubungan dengan itu, plaintif adalah dikehendaki membuktikan kepada mahkamah bahawa pelanggaran tanggungjawab berhati-hati defendan itu, adalah berdasarkan kepada tindakan perbuatan atau ketinggalan perbuatan defendan di bawah tahap berhati-hati “seseorang yang munasabah dan berpatutan.”

KECEDERAAN, KEROSAKKAN DAN/ATAU
KERUGIAN ADALAH BERPUNCA DARI
PELANGGARAN TANGGUNGJAWAB
BERHATI-HATI

Seterusnya, plaintif dikehendaki pula membuktikan kepada mahkamah elemen yang berikutnya iaitu kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian adalah berpunca dari tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati. Untuk itu, perlulah merujuk kepada kes Government of Malaysia & Ors v Jumaat Mahmud & Anor [1977] 2 MLJ 10. Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan

memberi keputusan memihak kepada Perayu-Perayu/Defendan-Defendan memandangkan guru berkenaan telah sedaya upaya memastikan pelajar-pelajar di bawah jagaannya dilindungi dari apa jua bahaya yang diketahui olehnya. Di dalam penghakiman, Yang Arif Raja Azlan Shah memutuskan bahawa:-

“.....must commensurate with her opportunity and ability to protect the pupil from dangers that are known or that should be apprehended.....It is not a duty of insurance against harm but only a duty to take reasonable care for the safety of the pupil.....The sole question.....is a question of causation again assuming the injury was in fact caused by wrongful act of the teacher it cannot be said the it was reasonably foreseeable.”

Jelas di sini bahawa, berdasarkan kepada perbincangan di atas yang merujuk kepada keputusan mahkamah itu tadi, untuk membuktikan kepada mahkamah akan kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian adalah berpunca dari tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati, tiga perkara perlu diberi penekanan iaitu:

- (a) Risiko atau kecederaan berkenaan boleh dijangkakan;
- (b) Sekiranya risiko atau kecederaan berkenaan boleh dijangkakan, maka defendan perlulah pula mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi plaintif; dan
- (c) Sekiranya defendan gagal mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi plaintif setelah risiko atau kecederaan berkenaan boleh dijangkakan, maka baharulah plaintif telah berjaya membuktikan kepada mahkamah bahawa kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian adalah berpunca dari tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati berkenaan (Salleh 1990).

Seterusnya, ujian “but for” akan digunakan di mahkamah bagi menentukan samada elemen yang tersebut di atas dapat dibuktikan oleh plaintif iaitu kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian adalah berpunca dari tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati.

Untuk itu, rujuk kes JEB Fasteners Ltd. v Marks Bloom & Co. [1983] 1 All ER 583 mahkamah telah menggunakan ujian “but for.” Berpandukan kepada ujian “but for” ini, sekiranya kecuaiian Defendan itu bukanlah punca kepada kerugian Plaintif maka Defendan tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap tuntutan Plaintif. Sehubungan dengan

itu, di dalam kes ini, Defendan telah membuktikan bahawa kecuaiannya di dalam menyediakan laporan kewangan berkenaan bukanlah punca kerugian yang dialami oleh Plaintif. Oleh itu, mahkamah telah memberi keputusan memihak kepada Defendan di mana Defendan tidak dipertanggungjawabkan terhadap tuntutan Plaintif berkenaan.

PERHUBUNGAN MUNASABAH YANG DEKAT
DI ANTARA KECEDEeraan, KEROSAKKAN
DAN/ATAU KERUGIAN SERTA PELANGGARAN
TANGGUNGJAWAB BERHATI-HATI

Selepas ketiga-tiga elemen penting di dalam undang-undang kecuaiannya telah dibuktikan oleh plaintif, maka kini, plaintif perlulah pula membuktikan kepada mahkamah, elemen yang keempat iaitu elemen terakhir di dalam undang-undang kecuaiannya.

Elemen yang keempat ini ialah perhubungan munasabah yang dekat di antara kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian serta tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati. Ujian terhadap elemen yang keempat ini adalah berdasarkan kepada kes *The Wagon Mound* (No. 1) [1961] AC 388.

Merujuk kepada kes *The Wagon Mound* (No. 1) [1961] AC 388, keputusan mahkamah iaitu Majlis Privy "Privy Council". Mahkamah telah menegaskan bahawa elemen keempat di dalam undang-undang kecuaiannya mestilah dipatuhi iaitu mestilah wujud perhubungan munasabah yang dekat di antara kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian serta tindakan defendan yang melanggar tanggungjawab berhati-hati. Di dalam kes ini Responden/Plaintif gagal membuktikan elemen keempat kerana hanya selepas 60 jam dari kejadian tumpahan minyak berkenaan, dok-dok berkenaan barulah disambar api yang mengakibatkan kapal-kapal yang sedang dibaiki di dok-dok berkenaan rosak dijilat api. Sehubungan dengan itu, jelas di sini bahawa perhubungan di antara kerosakan dan kerugian di dalam kes ini serta tindakan Perayu/Defendan melanggar tanggungjawab berhati-hati adalah jauh sekali.

TINDAKAN MAHKAMAH DI BAWAH
UNDANG-UNDANG TORT KE ARAH
PEMBANGUNAN MAMPAN TUMPUAN
KECUAIAN DI MALAYSIA

Terdapat beberapa kes yang telah dibawa ke mahkamah yang berkaitan dengan tindakan undang-

undang tort ke arah pembangunan mampan yang merujuk kepada aspek kecuaiannya di Malaysia. Di antaranya ialah kes *MC Gowan & Anor v Wong Shee Fun & Anor* [1966] 1 MLJ 1 dan kes *Guan Soon Tin Mining v Wong* [1969] 1 MLJ 99.

Di dalam kes *MC Gowan & Anor v Wong Shee Fun & Anor* [1966] 1 MLJ 1. Pihak-pihak terlibat di dalam kes ini adalah seperti berikut: *MC Gowan & Anor* merupakan pihak plaintif dan *Wong Shee Fun & Anor* pula merupakan pihak defendan. Dalam fakta kes, pihak plaintif telah membuat tuntutan terhadap pihak defendan di atas kecuaiannya pihak defendan di dalam melaksanakan projek pembangunan di kawasan pihak defendan sendiri. Kecuaiannya pihak defendan itu, telah mengakibatkan tanah runtuh. Tanah runtuh itu telah memasuki ke dalam sungai dan seterusnya menjadi punca kepada banjir yang merosakkan dan merugikan harta milik pihak plaintif. Tambahan lagi, kecuaiannya Defendan Pertama gagal menyediakan pemetung yang sesuai bagi mengelakkan dari banjir berlaku. Manakala pihak plaintif telah membawa hujah bahawa pihak defendan telah gagal mengambil langkah-langkah berhati-hati dan berjaga-jaga di dalam melaksanakan projek pembangunan di kawasan pihak defendan sendiri. Kecuaiannya pihak defendan mengambil langkah-langkah berhati-hati dan berjaga-jaga ini, telah mengakibatkan plaintif mengalami kerugian. Seterusnya, pihak defendan pula membawa hujah yang menyatakan bahawa bukanlah tindakan pihak defendan merupakan punca kerugian plaintif.

Akhir sekali, mahkamah telah memutuskan bahawa sesuatu tuntutan yang dibuat di bawah undang-undang kecuaiannya hendaklah memenuhi kesemua elemen di bawah undang-undang tort aspek kecuaiannya. Di dalam kes ini pihak plaintif telah berjaya membuktikan kesemua elemen berkenaan dan jelas di dalam kes ini bahawa pihak defendan telah gagal mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi mengelak dari berlakunya banjir yang mengakibatkan kerugian kepada plaintif. Sebagai tambahan di dalam sesuatu tuntutan yang dibuat di bawah undang-undang kecuaiannya, plaintif tidaklah perlu membuktikan mereka mempunyai hak terhadap tanah berkenaan dan tidaklah juga perlu membuktikan bahawa orang-orang awam yang lain mengalami kerugian berpunca dari banjir berkenaan.

Manakala di dalam kes *Guan Soon Tin Mining v Wong* [1969] 1 MLJ 99, pihak terlibat di dalam kes ini adalah seperti berikut: *Guan Soon Tin Mining* merupakan Perayu dan Defendan, manakala *Wong*

pula adalah Respondan dan Plaintiff. Dalam fakta kes, Respondan/Plaintif telah menerima dari Pihak Berkuasa Lesen Pendudukan Sementara “Temporary Occupation License” (TOL) pada sebidang tanah. Sejurus itu, Respondan/Plaintif telah membina sebuah kolam ikan pada tanah berkenaan. Pada bulan Oktober 1964, Lesen Pendudukan Sementara berkenaan telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa. Selepas itu, Pihak Berkuasa telah memberi pula Lesen Kebenaran Melombong kepada Perayu/Defendan untuk menjalankan kegiatan melombong bijih. Berdasarkan kepada syarat di dalam Lesen Kebenaran Melombong berkenaan, Perayu/Defendan diberi kebenaran untuk melupuskan sisa bijih dari lombong bijih Perayu/Defendan ke suatu kawasan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa yang mana kawasan yang ditetapkan itu termasuklah kawasan kolam ikan Respondan/Plaintif.

Oleh yang demikian, Respondan/Plaintif menuntut kerugian di atas tindakan Perayu/Defendan yang telah mencemarkan kolam ikan Respondan/Plaintif dengan sisa bijih dari Lombong Perayu/Defendan. Mahkamah sebelum ini telah memutuskan bahawa tindakan Perayu/Defendan adalah punca kepada pencemaran kolam ikan Respondan/Plaintif, maka Perayu/Defendan dikehendaki membayar pampasan kepada Respondan/Plaintif. Sehubungan dengan itu, Perayu/Defendan membawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan untuk merayu ke atas keputusan mahkamah di atas.

Perayu/Defendan membawa hujah bahawa bukanlah disebabkan kecuaiian Perayu/Defendan punca pencemaran kolam ikan Respondan/Plaintif. Perayu/Defendan melupuskan sisa bijih ke kawasan berkenaan berdasarkan Lesen Kebenaran Melombong yang diberikan oleh Pihak Berkuasa. Manakala Respondan/Plaintif sepatutnya tidak boleh lagi meneruskan aktiviti ternak ikan di kawasan berkenaan, memandangkan Lesen Pendudukan Sementara berkenaan telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa.

Respondan/Plaintif membawa hujah bahawa Perayu/Defendan telah gagal mengambil langkah-langkah berhati-hati dan berjaga-jaga di dalam melaksanakan projek perlombongan. Kecuaiian Perayu/Defendan mengambil langkah-langkah berhati-hati dan berjaga-jaga ini, telah mengakibatkan kolam ikan Respondan/Plaintif mengalami kerugian disebabkan pencemaran sisa lombong bijih.

Keputusan Mahkamah Persekutuan: Mahkamah telah memutuskan bahawa sesuatu tuntutan yang dibuat di bawah undang-undang kecuaiian hendaklah

memenuhi kesemua elemen di bawah undang-undang kecuaiian. Di dalam kes ini, Respondan/Plaintif telah gagal membuktikan elemen-elemen berkenaan dengan jelas. Tindakan Perayu/Defendan menjalankan aktiviti perlombongan bukanlah punca kepada pencemaran kolam ikan Respondan/Plaintif. Ini adalah kerana Perayu/Defendan melupuskan sisa bijih ke kawasan berkenaan berdasarkan Lesen Kebenaran Melombong yang diberikan oleh Pihak Berkuasa. Manakala Respondan/Plaintif sepatutnya tidak boleh lagi meneruskan aktiviti ternak ikan di kawasan berkenaan, memandangkan Lesen Pendudukan Sementara berkenaan telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas di sini bahawa, apabila seseorang yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang berpunca dari pencemaran yang mengganggu-gugat kepada kesejahteraan alam sekitar dan manusia, maka beliau bolehlah mengambil tindakan ke mahkamah berdasarkan kepada undang-undang tort bagi mencapai pembangunan mampan tumpuan kepada aspek kecuaiian. Di mahkamah, tuntutan tersebut perlulah memenuhi keempat-empat elemen di bawah undang-undang tort aspek kecuaiian yang tersebut di atas. Sekiranya, pihak penuntut gagal membuktikan keempat-empat elemen tersebut, maka, mahkamah berhak menolak tuntutan tersebut sepertimana dalam kes *Guan Soon Tin Mining v Wong* [1969] 1 MLJ 99.

PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR TERHADAP ASPEK KECUAIAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG TORT MELALUI MEDIASI KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN DI MALAYSIA

Memandangkan proses tuntutan penyelesaian pertikaian di mahkamah agak tegas dan kompleks, lebih-lebih lagi dalam isu perlindungan alam sekitar, maka pihak yang membuat tuntutan boleh terlebih dahulu memilih sama ada untuk memilih proses tuntutan tersebut ke mahkamah atau tindakan di luar mahkamah. Bagi proses tuntutan penyelesaian pertikaian di mahkamah, proses tersebut agak ketat yang mana perlu memenuhi kesemua elemen mahupun syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

Walau bagaimanapun, proses tuntutan penyelesaian pertikaian di luar mahkamah agak sedikit luwes. Antara proses tuntutan penyelesaian pertikaian di luar mahkamah adalah Mediasi. Proses

tuntutan penyelesaian pertikaian melalui Mediasi di Malaysia adalah berdasarkan kepada perundangan persekutuan iaitu Akta Pengantaraan 2012 (Akta 749)/ Mediation Act 2012 (Act 749).

Menurut Deutsch & Coleman (2000), proses mediasi merupakan suatu proses secara sukarela, yang mana turut mengandungi aspek kerahsiaan dalam maklumat antara pihak-pihak yang terlibat dan proses tersebut dikendalikan oleh seorang Mediator untuk membantu dalam mencapai persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam menyelesaikan pertikaian mereka yang kompleks.

Di Malaysia, Akta Pengantaraan 2012, turut mempunyai pandangan yang sama tentang proses Mediasi yang tersebut di atas. Berdasarkan kepada seksyen 3 Akta Pengantaraan 2012, Mediasi adalah pengantaraan oleh pihak ketiga yang dikenali sebagai Mediator (yang dibaca bersama seksyen 7 Akta Pengantaraan 2012) dalam pelbagai pertikaian termasuklah pertikaian tentang isu perlindungan alam sekitar di bawah undang-undang tort aspek kecuaiian secara sukarela bagi membantu pihak-pihak yang terlibat untuk mencapai penyelesaian. Seksyen 15 Akta Pengantaraan 2012, turut menegaskan aspek kerahsiaan dalam maklumat antara pihak-pihak yang terlibat.

Jelas di sini, proses tuntutan penyelesaian pertikaian melalui mediasi, termasuklah pertikaian mengenai isu perlindungan alam sekitar di bawah undang-undang tort aspek kecuaiian adalah menjurus ke arah mencapai pembangunan mampan. Hal ini dengan merujuk seksyen 3 Akta Pengantaraan 2012, jelas sekali menitik-beratkan aspek komunikasi dan rundingan dalam mencari jalan penyelesaian pertikaian yang kompleks tersebut, yang mana, perkara ini adalah selaras dengan konsep pembangunan mampan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas di sini bahawa, apabila seseorang yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang berpunca dari pencemaran yang mengganggu-gugat kepada kesejahteraan alam sekitar dan manusia, maka beliau bolehlah mengambil tindakan undang-undang yang berdasarkan kepada undang-undang tort ke arah mencapai pembangunan mampan tumpuan kepada aspek kecuaiian terhadap pihak yang melakukan pencemaran berkenaan.

Di bawah undang-undang tort tumpuan

kepada aspek kecuaiian ini, pihak yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang berpunca dari pencemaran yang mengganggu-gugat kepada kesejahteraan alam sekitar dan manusia, perlulah membuktikan kepada mahkamah keempat-empat elemen penting yang tersebut dalam perbincangan di atas.

Sesuatu tindakan yang dibuat di bawah undang-undang tort tumpuan kepada aspek kecuaiian, terdapat kelebihan dan kelemahannya. Kelebihan, jika sesuatu tindakan di buat di bawah undang-undang ini ialah di mana pihak menuntut (plaintif) tidak perlu membuktikan mempunyai hak terhadap tanah berkenaan dan tidaklah juga perlu membuktikan bahawa orang-orang awam yang lain mengalami kerugian berpunca dari pencemaran berkenaan (Salleh 1990, Wolf & White 1995).

Manakala kelemahan, jika sesuatu tindakan di buat di bawah undang-undang ini ialah mahkamah menunjukkan keengganan untuk menerima tuntutan yang berkaitan dengan kerugian ekonomi semata-mata "pure economic loss." Mahkamah hanya menerima tuntutan yang di buat berdasarkan kepada kecederaan yang dialami serta kerosakan dan kerugian pada harta benda. Di samping itu juga, mahkamah menunjukkan ketegasan di dalam beban pembuktian. Kelazimannya, pihak menuntut (plaintif) menghadapi masalah semasa ingin membuktikan wujudnya perhubungan munasabah yang dekat di antara kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian serta pelanggaran tanggungjawab yang tersebut di atas (Salleh 1990, Wolf & White 1995).

Sehubungan dengan itu, pihak yang mengalami kecederaan, kerosakan dan/atau kerugian yang berpunca dari pencemaran yang mengganggu-gugat kepada kesejahteraan alam sekitar dan manusia, turut boleh memilih proses penyelesaian pertikaian di luar mahkamah seperti mediasi. Proses tuntutan penyelesaian pertikaian melalui mediasi agak sedikit luwes dan mempunyai ciri-ciri ke arah mencapai pembangunan mampan yang menerapkan aspek komunikasi dan rundingan dalam mencari jalan penyelesaian pertikaian yang kompleks.

PENGHARGAAN

Kajian penyelidikan ini dijalankan dengan bantuan kewangan daripada dana projek penyelidikan TD-2014-001.

RUJUKAN

- Ball, S. & Bell, S. 1995. *Environmental Law*. London: Blackstone Press Limited.
- Beatrix Vohrah & Wu Min Aun. 1991. *The Commercial Law of Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.
- Deutsch, M. & Coleman, P.T. 2000. *The Handbook of Conflict Resolution: Theory and Practice*. San Francisco: Jossey-Bass Publication
- Jamaluddin Md. Jahi. 2001. *Pengurusan Alam Sekitar di Malaysia: Dari Stockholm ke Rio de Janeiro dan Seterusnya*. Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia, 16 Februari. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Rizal Bin Razman & Syahirah Binti Abd. Shukor. 2001a. *Malaysian Commercial Law*. Malaysia: Mc-Graw Hill.
- Muhammad Rizal Bin Razman & Syahirah Binti Abd. Shukor. 2001b. *Malaysian Legal System: A Basic Guide*. Malaysia: Mc-Graw Hill.
- Muhammad Rizal Bin Razman. 2002. *Pemakaian undang-undang kecuaiian di dalam menangani pencemaran alam sekitar di Malaysia*. Dlm. *Isu-isu persekitaran di Malaysia*, disunting oleh Jamaluddin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin & Muhammad Rizal Razman, 61-76. Bangi: Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rogers, W.V.H. 1989. *Winfield and Jolowicz on Tort*. London: Sweet & Maxwell.
- Salleh Buang. 1990. *The Law of Negligence in Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Publications.
- Sands, P. 1995. *Principles of international environmental law I: Frameworks, standards and implementation*. Manchester: Manchester University Press.
- Sands, P. 2003. *Principles of international environmental law*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wolf, S. & White, A. 1995. *Environmental Law*. London: Cavendish Publishing.
- World Commission on Environment and Development (WCED). 1987. *Our common future*. Oxford: Oxford University Press.
- Wu Min Aun. 1987. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.

Muhammad Rizal Razman, Ph.D.
Pusat Penyelidikan Sains dan Governans Kelestarian (SGK),
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: mrizal@ukm.edu.my

Mazlin Bin Mokhtar, Ph.D.
Pusat Penyelidikan Sains dan Governans Kelestarian (SGK),
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: mazlin@ukm.edu.my

Siti Naaishah Hambali, LL.M.
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: naaishah@ukm.edu.my

Sharifah Zarina Syed Zakaria, Ph.D.
Pusat Penyelidikan Kelestarian Alam Sekitar, Ekonomi & Sosial (KASES),
Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: szarina@ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
Email: ziskandar2109@gmail.com

Diserahkan: 06 Januari 2016

Diterima: 20 April 2016

